

Headline **RM1 juta satu IPTA**  
Date **21 Oct 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **231 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,008**  
PRValue **6,025**



# RM1 juta satu IPTA

## Peruntukan bagi laksana program nilai tambah siswazah

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan peruntukan RM1 juta kepada setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk menganjurkan program bersama pihak industri bagi menambah nilai dan meningkatkan kebolehpasaran siswazah.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, program itu mesti berasaskan sektor strategik yang boleh meningkatkan industri berasaskan inovasi dan menjamin peluang pekerjaan untuk siswazah.

"Tidak cukup hanya menguasai ilmu dalam universiti, kerana dunia pekerjaan sekarang memerlukan seseorang graduan itu boleh bersaing, lebih-lebih lagi kerana perubahan yang berlaku begitu cepat dalam sesuatu bidang ilmu.

"Justeru, pihak universiti boleh mengemukakan cadangan-cadangan program seumpama ini kepada pihak kementerian," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara KPT dan Mimos Berhad bagi melatih 50 siswazah IPTA dalam program Pusat Pemecutan Kepakaran Domain Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ketua Setiausaha KPT, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah. Hadir sama ialah Pengerusi Mimos Berhad, Datuk Suriah Abdul Rahman.

Pada program tersebut, siswazah akan diberikan elaun bulanan sebanyak RM2,000 untuk menjalani latihan selama setahun dalam bidang kejuruteraan, perisian, komputer, elektrik dan komunikasi tanpa wayar.

Mohamed Khaled memberitahu, kementerian juga membelanjakan sebanyak RM48 juta untuk mengadakan pelbagai usaha sama dengan pihak industri lain dalam bidang latihan dan pembangunan.

"Kementerian masih lagi terbuka kepada industri lain yang ingin menyediakan ruang untuk latihan kepada siswazah yang boleh meningkatkan tahap kompeten graduan tetapi bidang tersebut mesti berasaskan sektor-sektor strategik," ujar beliau.

Headline **RM1 juta satu IPTA**  
Date **21 Oct 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **231 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,008**  
PRValue **6,025**



MOHAMED KHALED (tengah) menyaksikan Zulkefli (kiri) dan Abdul Wahab bertukar dokumen pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara KPT dan Mimos Berhad di Kuala Lumpur semalam.